

25/07/2004

Pemilihan Umno 2004 bukan 2000

By Karim Raslan

SESUNGGUHNYA banyak yang berubah dalam masa yang tidak terlalu lama. Sebelum membicarakan Perhimpunan Agung Umno tahun ini, elok juga kita mengimbas kembali pemilihan tahun 2000 tatkala Kuala Lumpur bingit dengan cakap-cakap kononnya Umno di ambang kemusnahan.

Ramai antara kita - termasuk saya juga - memperkatakan kemungkinan Umno bakal dirundung gerhana politik. Malahan buat beberapa ketika sebelum pilihan raya 1999, Pas kelihatan sangat berkemungkinan akan muncul sebagai parti Melayu/Islam yang terbesar di Malaysia.

Pada pemilihan kali ini, mesej yang disampaikan teramat jelas: 2004 bukan 2000. Umno muncul semula setelah berjaya menerangi kegelapan. Parut luka di beberapa bahagian badannya bukan saja menginsafkannya malah pengalaman itu membakar semangat juangnya.

Ahli Umno segera terngadah setelah tersandung akibat silap langkah besar pada 1998 dan 99 lalu bermuhasabah dengan penuh ketelitian dan kritis. Hasilnya mereka segera mewujudkan program pembaharuan dalaman yang agak berkesan termasuklah pembentukan Puteri Umno dan juga memperkenalkan kader profesional muda.

Suasana dalam Umno kini penuh keghairahan dan harapan. Ini tidak menghairankan: Selepas peralihan kuasa daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berjalan dengan lancar, kejayaan besar dalam pilihan raya dan di tengah-tengah pertumbuhan ekonomi, mereka yang setia dengan Umno mempunyai banyak sebab untuk bergembira.

Namun begitu, ahli Umno kelihatan sudah berpuas hati. Memandangkan banyaknya cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Melayu dan Malaysia saya berasa bimbang dengan suatu yang ketara dan agak janggal iaitu mengapa hampir-hampir langsung tiada perdebatan politik yang substantif sewaktu pembuangan undi.

Memang tidak dinafikan bahawa kelemahan Pas turut menyumbang kepada kekuatan Umno kini. Ketara setelah kalah pada pilihan raya Mac lalu, parti ulama itu gagal menyesuaikan diri. Pemimpin Pas - Datuk Seri Hadi Awang dan Datuk Nik Abdul Aziz - tidak mempunyai kepekaan dan kecanggihan untuk menghadapi Abdullah Badawi. Malah ada yang berpendapat bahawa populariti Pas mungkin melonjak semula jika parti itu membuat keputusan nekad untuk menyingkirkan kedua-dua tokoh mereka.

Umno tidak sepatutnya bersikap sambil lewa atau ala kapten pesawat yang menggunakan alat pandu automatik. Parti itu perlu bersemuka dan menangani beberapa trend negatif dan amalan kurang sihat seperti politik wang.

Kebimbangan saya terbahagi tiga: pertama, cubaan menghalang pertandingan terbuka dan secara undian; kedua, kurangnya minat dalam isu politik yang substantif dan ketiga, pentingnya eselon atasan dibuka kepada ahli bukan kerajaan yang sanggup mencabar pendapat konvensional.

Pertama: Kekuatan utama Umno ialah ahlinya yang seramai 2.8 juta. Jangkauan mekanisme pula sampai ke akar umbi masyarakat Melayu. Namun begitu, tidak seperti Parti Komunis China atau parti Golkar Indonesia di bawah pimpinan Suharto, pemegang jawatan dalam Umno dipilih melalui undian.

Pemimpin tempatan parti diundi untuk memegang jawatan. Mereka tidak dilantik oleh pihak atasan. Ini memberikan kuasa dan kesahan kepada pemimpin. Ia juga membuat parti responsif dan sensitif kepada sentimen popular pada peringkat akar umbi.

Tradisi demokratik Umno amat penting, justeru itu cubaan untuk

memastikan beberapa jawatan penting tidak ditandingi, menurunkan nilai kewibawaan parti secara menyeluruh.

Zaid Ibrahim yang minggu lalu berkempen untuk kerusi Naib Presiden (kini disahkan tidak layak bertanding) mempertikaikannya dengan berkata:

"Pertandingan yang sengit adalah baik untuk parti. Kita perlu menyedari bahawa parti ini mempunyai ketahanan diri - ia boleh dan akan mampu menanganinya."

Ini membawa saya tepat ke hujah kedua. Ahli Umno (dan demikian juga semua rakyat Malaysia) wajar diberikan pilihan untuk menentukan calon dan dasar.

Contohnya, saya tidak faham apa yang tidak kena dengan tawaran Tengku Razaleigh Hamzah baru-baru ini untuk menjadi calon Presiden Parti. Namun begitu saya mahu ahli keluarga diraja Kelantan itu menjelaskan pandangan beliau tentang negara ini dan masa depannya.

Mana-mana calon yang serius untuk merebut jawatan tertinggi Umno sepatutnya diminta untuk menghuraikan serta mencartakan wawasan beliau untuk Umno, masyarakat Melayu dan Malaysia. Sekali lagi Zaid menegaskan: "Ia sepatutnya satu pertandingan idea dan pandangan."

Kita sepatutnya bertanya kepada calon persoalan yang sukar mengenai pendidikan, ekonomi dan hubungan antara kaum. Contohnya, bagaimana mereka akan menangani defisit belanjawan dan memberikan perhatian terhadap isu ekstremisme agama?

Begitulah juga halnya dengan Khairy Jamaluddin, yang bertanding jawatan Naib Ketua Pemuda (kini disahkan menang tanpa tanding). Adalah lebih baik jika Khairy melakarkan agenda beliau mengenai usaha membawa perubahan kepada golongan generasi muda.

Saya pasti kebanyakan rakyat Malaysia sudah muak membaca mengenai pertalian keluarga beliau dengan Perdana Menteri. Kita mahu mengukur sendiri kebolehan beliau dan mendengar perancangannya untuk Pergerakan Pemuda Umno. Saya percaya beliau boleh melakukannya.

Demokrasi boleh dan sepatutnya digunakan demi memfokuskan perhatian umum terhadap isu substantif dan pelbagai cabaran penting yang dihadapi orang Melayu bukannya keremehan cerita dapatan daripada menjaga tepi kain orang.

Perkara ketiga yang saya utarakan ini saling terkait. Kepimpinan Umno lebih menyukai ijmak berbanding konflik - bayangan 1987 dan 1998 masih menghantui fikiran dan payah melupakannya. Maka ramai pemimpin utama parti berasa lebih selamat berhati-hati sewaktu menyuarakan sokongan terhadap idea yang baru dan mungkin kontroversi.

Walau bagaimanapun keadaan di mana ijmak dan kompromi segandingan begini boleh dan bakal mematikan gerak sewaktu perumusan dasar. Kita harus ingat bahawa kebanyakan pemimpin parti yang paling dinamik - seperti Dr Mahathir dan Tan Sri Musa Hitam adalah penentang tradisi. Tambahan pula, parti tidak akan mampu menghadapi, apatah lagi mengungguli cabaran masa hadapan, sekiranya ia sering mahu berada dalam situasi yang 'selamat'.

Dalam hal ini adalah penting bagi Umno untuk menarik lebih ramai tokoh berfikiran radikal seperti Azim Zabidi, Shahrir Samad dan Zaid Ibrahim. Walaupun mereka ini kurang daya penarik universal untuk meningkatkan diri mereka ke jawatan tertinggi parti, mereka mewakili kuasa penting yang belum digembleng dalam masyarakat Melayu.

Mereka mesti menumpukan isu tertentu seperti pendidikan, peningkatan ekonomi orang Melayu, pertanian atau pembaharuan perundangan. Mereka harus menggunakan pengaruh peribadi untuk memaksa pembaharuan dalam bahagian tertentu dan menghindari politik berdasarkan personaliti yang memakan diri.

Akhir sekali saya suka mengingatkan rakyat Malaysia bahawa sememangnya kita hanya mendapat pemimpin yang kita patut menerima. Semakin hampir bulan September dan sewaktu calon bersedia untuk Perhimpunan Agung, kita -

rakyat jelata - harus melibatkan diri.

Kita wajib menanyakan pandangan pemimpin kita. Mereka harus disoal. Pemimpin Umno akan hanya bertindak dengan sewenang-wenangnya jika mereka dibiarkan berbuat demikian.

Tibalah masanya untuk khalayak bersuara dan mencabar pemimpin. Jangan sekali-kali melupakan hakikat bahawa kita memilih pemimpin kerana kita mahu mereka mewakili serta menjadi penyampai pandangan kita.

(END)